

Hampir RM400 bilion atasi banjir

Peruntukan bagi tempoh 78 tahun libatkan tebatan banjir dan infrastruktur pantai di Malaysia

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Malaysia dijangka memerlukan peruntukan sebanyak RM392 bilion sebagai langkah jangka panjang mengatasi masalah banjir di negara ini bagi tempoh 78 tahun akan datang. Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan



TUAN IBRAHIM

Man berkata, peruntukan sehingga tahun 2100 itu melibatkan komponen utama tebatan banjir dan saliran bandar serta infrastruktur pantai. "Peruntukan ini termasuk RM15 bilion secara *off budget* untuk tempoh lapan tahun bermula tahun 2023 hingga 2030, bagi projek tebatan dan penyelesaian banjir serta pembinaan struktur sabo di kawasan kritikal yang terjejas teruk akibat Monsun Timur Laut.

"Bagi langkah jangka masa panjang hingga tahun 2100, KASA (Kementerian Alam Sekitar

dan Air) menganggarkan peruntukan sebanyak RM392 bilion bagi mengatasi masalah banjir di Malaysia.

"Anggaran kos ini antara lain merangkumi komponen utama tebatan banjir dan saliran bandar sebanyak RM230.71 bilion serta infrastruktur pantai RM126.55 bilion," katanya ketika berucap pada Simposium Perubahan Iklim 2022 di Parlimen pada Isnin.

Hadir sama ialah Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun dan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam pada itu, Tuan Ibrahim berkata, KASA sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat melalui langkah jangka sederhana dan panjang termasuk pembangunan infrastruktur perlindungan khususnya bagi bencana berkaitan air.

Jelasnya, faktor perubahan iklim turut diambil kira dalam penyediaan reka bentuk pembangunan dalam memastikan infrastruktur yang dibangunkan berdaya tahan terhadap kesan fenomena perubahan iklim.

"Kementerian juga sedang merangka pelaksanaan adaptasi perubahan iklim.

"Peningkatan suhu global akan meningkatkan lagi risiko bencana dan kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi.

"Dalam hal ini, kerajaan telah membangunkan Agen da



Faktor perubahan iklim diambil kira dalam penyediaan reka bentuk bangunan lebih berdaya tahan cuaca.

RUU berkaitan perubahan iklim dibentang tahun depan

KUALA LUMPUR - Rang undang-undang perubahan iklim dijangka akan dimuktamadkan pada hujung tahun ini dan bakal dibentangkan pada persidangan Parlimen pada 2023.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, perkara itu akan melibatkan semakan dan penambahbaikan akta terbabit bagi memastikan pembangunan yang mampan untuk negara.

"Kita perlu segerakan (rang undang-undang berkenaan). Isu perubahan iklim ini serius dan impak yang ketara ialah impak kepada bekalan makanan negara, contohnya bila berlaku kemarau baru-baru ini, bekalan air kita merosot dan beberapa kawasan pertanian kita ter-

ganggu," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai pasaran karbon sukarela (VCM), katanya, kabinet telah meluluskan Bursa Malaysia Sdn Bhd (Bursa Malaysia) sebagai badan yang menguruskan perkara itu.

"Bagi Bursa Malaysia, mereka dah bersedia dan membangunkan pelan ini tetapi kita terpaksa patuhi apa yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

Dilaporkan Bursa Malaysia akan melancarkan VCM pada akhir tahun ini yang akan membolehkan syarikat membeli kredit karbon secara sukarela daripada projek dan penyelesaian mesra alam. - *Bernama*

Transformasi Sektor Air Negara 2040 bermula dengan Rancangan Malaysia Ke-12 hingga ke Rancangan Malaysia Ke-15," katanya.

Sementara itu, beliau turut

memaklumkan, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersetuju untuk mengetuai delegasi negara ke Sidang Kemuncak Ketua Negara dan Kerajaan pada 6 November nan-

ti di Persidangan ke-27 Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (COP27-UNFCCC) di Sharm El Sheikh, Mesir.